



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

FEBRUARI 2026



MEMBINA UKHWAH DAN KASIH SAYANG

06 FEBRUARI 2026M | 18 SYAABAN 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Persaudaraan Islam atau ukhuwwah Islamiah adalah satu nikmat daripada Allah ﷻ kepada hamba-Nya. Allah ﷻ telah menegaskan bahawa semua orang Islam adalah bersaudara. Persaudaraan kita diikat melalui pertalian akidah iaitu beriman kepada Allah ﷻ. Firman-Nya dalam surah al-Hujurat ayat 10,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*”

Nabi ﷺ bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud,

“Perumpamaan orang mukmin dalam berkasih mesra dan sayang-menyayangi seperti satu tubuh, apabila salah satu anggotanya menderita sakit, akan menyebabkan seluruh anggota yang lain untuk berjaga malam dan demam”.

Sesungguhnya kita amat beruntung kerana apa sahaja usaha untuk memupuk persaudaraan dan menyuburkan kasih sayang kepada saudara kita adalah kebaikan yang mendapat pahala. Ucapan salam, ziarah-menziarahi, bermanis muka, bersalaman, saling memberi hadiah dan lain-lain amat digalakkan untuk membina



ukhuwah sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Hendaklah kamu saling memberi hadiah, pasti kamu akan saling menyayangi”.

Dalam hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Malik ر.ه.ا، Allah ﷻ berfirman yang bermaksud,

Pasti mendapat kecintaanKu bagi dua orang cinta-mencintai keranaKu, dua orang yang duduk bersama-sama keranaKu, dua orang kunjung mengunjungi keranaKu, dan dua orang yang tolong menolong keranaKu.

Oleh itu, ingatlah perasaan kasih sayang sesama suami isteri, anak kepada ibu bapanya, ibu bapa kepada anaknya, saudara mara, jiran tetangga dan rakan taulan semuanya adalah pahala dan Allah ﷻ mencintai kita apabila kita mencintai sesama manusia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Bagi mencapai matlamat persaudaraan Islam, maka semua pihak hendaklah berusaha mencari titik perpaduan dan kasih sayang serta mengurangkan jurang perpecahan dan kebencian. Semua perbuatan yang membawa kepada kebencian adalah dilarang serta berdosa. Sabda Nabi ﷺ dalam hadis riwayat Imam al-Tirmizi:

لَا تَقَاطَعُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَحَاسَدُوا وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا



Yang bermaksud: *"Jangan kamu pulau-memulau, jangan kamu mengkhianati saudaramu, jangan kamu benci membenci, jangan kamu hasad dengki dan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara."*

Oleh itu jauhilah perbuatan yang membawa kebencian dan permusuhan dalam kalangan umat Islam seperti hasad dengki, fitnah, khianat, dendam dan buruk sangka yang semakin berleluasa dalam masyarakat. Tambahan pula berlakunya permusuhan, perbalahan serta kebencian kerana perebutan harta dan perbezaan fahaman politik. Demikian juga, perpecahan kerana sikap terus mempertikaikan amalan masyarakat dalam perkara khilafiah yang telah difatwakan harus oleh Jawatankuasa Hukum Syarak Negeri Pahang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Antara pengaruh budaya Barat dalam kalangan pemuda dan pemudi ialah sambutan Hari Kekasih (Valentine Day) kononnya di atas nama cinta. Marilah kita bersama-sama saling mengingatkan untuk menjauhi sambutan Hari Kekasih, kerana ia adalah budaya masyarakat Barat yang mendorong kepada pergaulan bebas dan penzinaan. Budaya ini seterusnya dinormalisasikan (dibiasakan) ke dalam masyarakat kita dan dibimbangi penzinaan dan pergaulan bebas tidak lagi dianggap perkara yang haram dan keji. Ingatlah Sabda Nabi ﷺ dalam hadis riwayat Imam Abu Daud:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Yang bermaksud: *"Barangsiapa menyerupai suatu kaum maka ia termasuk sebahagian daripada mereka."*



Oleh itu zahirkan perasaan cinta melalui cara yang diredai Allah ﷻ iaitu perkahwinan. Bagi yang sudah berjumpa pasangan yang sesuai, segeralah berkahwin. Sabda Nabi ﷺ dalam hadis riwayat Ibn Majah yang bermaksud: *“Tidak pernah dilihat penyelesaian untuk dua orang yang saling mencintai selain berkahwin.”*

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 berpandangan bahawa ajaran Islam amat mengutamakan kasih sayang dan tidak ada hari tertentu di dalam Islam bagi meraikannya. Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa amalan merayakan Valentine’s Day (Hari Kekasih) tidak pernah dianjurkan oleh Islam.

Oleh itu, elakkanlah daripada meniru budaya masyarakat yang jauh daripada petunjuk Ilahi.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, sedarlah sesungguhnya persaudaraan Islam adalah amat penting kerana ia membawa kepada kekuatan umat Islam. Elakkan diri daripada melakukan amalan yang membawa kepada kebencian dan permusuhan. Sebarkan kasih sayang kepada pasangan, keluarga, masyarakat sepanjang masa tanpa terikat dengan hari-hari tertentu. Janganlah terikut-ikut dengan budaya Barat yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٠﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.